

15/02/2005

Mahathir-Hariri

RAFIC HARIRI SANGGUP KETEPIKAN PROTOKOL KERANA SAHABAT

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Lubnan, Rafic al-Hariri adalah seorang pembesar negara yang sanggup mengetepikan protokol demi sahabat, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata Rafic pernah memandu kereta untuk membawa beliau dari lapangan terbang ke kediamannya di Koraytem Palace apabila beliau melawat negara itu secara rasmi atau setelah bersara.

"Saya sering menginap di rumahnya dan bukan di hotel semasa berkunjung ke sana.

"Kami langsung tidak peduli pada protokol. Beliau memandu kereta untuk membawa saya dari lapangan terbang ke rumahnya. Semasa beliau datang ke Langkawi, saya pula memandu kereta untuk membawanya ke sana kemari," kata Dr Mahathir kepada pemberita di pejabatnya di Menara Kembar Petronas di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau terkejut apabila mendapat tahu Rafic terbunuh dalam serangan bom di Beirut, semalam.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, walaupun memang jarang bagi seseorang pemimpin menginap di rumah pemimpin lain dalam sesuatu lawatan, tetapi itulah apa yang berlaku antara mereka berdua.

"Maksud saya, perbuatan beliau memandu kereta untuk membawa saya dari lapangan terbang itu sendiri merupakan suatu perkara luar biasa. Kami amat rapat dengan beliau sekeluarga," kata Dr mahathir.

Rafic berkunjung ke Malaysia pada 1997 dan Dr Mahathir membalas lawatan beliau pada tahun yang sama. Setelah bersara daripada jawatan Perdana Menteri pada Oktober 2003, Dr Mahathir tidak lupa megunjungi Rafic.

"Saya amat sedih kerana Rafic kawan yang baik. kami amat rapat dengan beliau sekeluarga. Saya tidak faham kerana beliau bukan perdana menteri lagi. Beliau juga tidak mempunyai kaitan dengan pembangkang. Tapi kenapa dia dibunuh dan siapa yang membunuhnya menjadi tanda tanya bagi saya," kata bekas Perdana Menteri itu.

Dr Mahathir berkata kematian Rafic merupakan kehilangan besar bagi Lubnan dan dunia Islam kerana beliau menganggap rakannya itu sebagai wira agung bagi negara itu dan pemimpin hebat bagi dunia Arab yang banyak berjasa termasuk membangunkan semula Lubnan yang musnah akibat perang saudara.

Dr Mahathir berkata, beliau dan Rafic berkongsi hasrat untuk melihat wujudnya keamanan di Lubnan dengan penduduk pelbagai agama dapat hidup bersama dan memastikan negara itu dapat dipulihkan kepada keadaan asalnya yang makmur dan hebat.

Dr Mahathir berkata beliau harap pembunuhan Rafic tidak mencetuskan lebih banyak keganasan di dunia Arab.

"Saya agak pasti akan berlaku keganasan. (Tetapi) Saya harap ini tidak berlaku kerana tindakan membalas dendam yang membawa kemusnahan kepada negara-negara Arab.

"Walaupun dalam Islam kita percaya hutang nyawa mesti dibayar dengan nyawa, tapi perkara ini perlu dihentikan apabila seseorang itu sudah memperoleh kepuasan hati. Tapi, jika hutang nyawa dibayar nyawa diikuti dengan lebih banyak nyawa diperlukan untuk membayar hutang, maka tidak akan ada kesudahannya.

"Awak bunuh saya, orang saya akan bunuh awak, orang awak bunuh orang saya, orang saya akan bunuh awak. Itu bukan hutang nyawa dibayar nyawa. Itu tidak dianjurkan oleh Islam," kata beliau.

Diminta mengulas mengenai nasib bekas pemimpin yang terus menjadi sasaran pembunuh, Dr Mahathir berkata: "Saya rasa dunia sudah menjadi terlalu ganas dan budaya ganas ini merebak kerana manusia hari ini suka kepada keganasan.

"Jika anda menonton tv, wayang, tumpuannya adalah kepada keganasan dan seks dan ini memberi kesan kepada manusia...anak muda...termasuk di negara kita."

Dr Mahathir melepaskan jawatan Perdana Menteri pada Oktober 2003 setelah menerajui Malaysia selama lebih kurang 22 tahun manakala Rafic meletak jawatan sebagai Perdana Menteri Lubnan empat bulan lepas.

-- BERNAMA

JM ISA SP BK